




PENGERAK  
PEMBANGUNAN  
UMMAH

بريتا كما الجوان اقتصادي كلنتن

Berita

PKINK



**PKINK  
PELOPOR USAHAWAN  
ICT KELANTAN**

**BINARAYA  
DIPERTANGGUNGJAWAB  
BINA RUMAH UBUDDIYAH**





# SIDANG editor

**PENAUNG**  
Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

**PENGEDARAN**  
Sofia Aizan bt. Che Soh

**KETUA EDITOR**  
Hj. Mohd Adilan Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

**PENERBIT**  
Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad  
Negeri Kelantan  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 09-7414141  
Fax: 09-7414069

**TIMB. KETUA EDITOR**  
Mohd Roslan Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Sumber Manusia*

**WARTAWAN/JURUGAMBAR**  
Tengku Petra Tengku Wook  
Tuan Hissam Tuan Mamat  
A. Ubaidillah Alias  
Ramli Hamzah  
Hawa M. Salleh

**PERCETAKAN**  
DIAN DARULNAIM SDN. BHD.



## فريديانك بما جوارنا اقتصادنا نكزي كلنتن

### MISI

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertubuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, untuk kesejahteraan Ummah.

#### SYARIKAT KUMPULAN PKINK



#### PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Tingkat 7-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, Peti Surat 142,  
Tel: 09-741 4141 Fax: 09-741 4140  
Laman Web: <http://www.pkink.gov.my>





# Dari Meja ketua editor

Bismillahirrahmanirrahim

﴿٥٦﴾ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*Maksudnya : dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. (Surah Az-Zariyat : ayat 56)*

Anggota PKINK yang dihormati,

Alhamdulillah, pertama dan selamanya kita melafazkan setinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas pertemuan awal bagi tahun 2010 menerusi Berita PKINK bilangan 1/2010. Merujuk kepada firman Allah SWT di atas jelas menyatakan bahawa matlamat agung penciptaan manusia adalah untuk memperhambakan diri kepada Allah SWT. Itulah objektif sebenar dan tugas hakiki seorang manusia sepanjang melusuri kehidupan di bumi Allah.

Sifat kehambaan atau juga disebut sebagai Ubudiyyah adalah status yang diberikan oleh Allah hanya kepada mereka yang bersedia untuk patuh dan turut pada syariatnya. Mereka yang menjunjung perintahnya dan menjauhi larangannya, barulah layak untuk dianggap sebagai hamba Allah. Berbeza pula dengan manusia yang menjadikan nafsu dan material sebagai raja, maka mereka ini adalah hamba kepada nafsu dan material. Zahirnya tampak mudah, hakikatnya untuk mendapat status hamba Allah amat payah.

Kita tidak perlu pergi terlalu jauh untuk mengukur status Ubudiyyah dalam diri kita, cukup dengan melihat suasana dan senario di dalam rumah kita sendiri. Jika kita berpagi-pagi ke masjid untuk bersolat jemaah, memastikan makan-minum anak dan isteri dari sumber yang halal, menjaga pemakaian dan penutupan aurat dalam keluarga. Maka itu sudah menunjukkan bahawa sifat Ubudiyyah wujud di dalam kehidupan kita.

Apabila budaya Ubudiyyah ini sudah wujud di dalam keluarga, barulah ia menjalar ke tempat kerja. Ia akan menjadikan kita peka kepada amanah, tugas dan sekaligus meningkatkan prestasi. Alangkah malangnya apabila kita sendiri tidak memiliki budaya Ubudiyyah ini. Kita lupa tugas kita sebagai hamba Allah, kita tidak sedar bahawa segala harta benda ini adalah milik Allah, akhirnya kita menjadi lalai terhadap pelaksanaan amanah-amanah yang diberikan kepada kita.

Justeru, saya menyeru dan mengajak seluruh anggota PKINK agar memulakan budaya Ubudiyyah ini dari rumah. Ini bersesuaian dengan seruan kerajaan negeri yang mahu mewujudkan Rumah Ubudiyyah di Kelantan. Kita perlu sahut seruan ini dengan mewujudkan suasana Islam dan kehambaan di ruang tamu dan bilik tidur kita. Barulah Allah akan memberikan rahmat dan kejayaan dan ia akan melimpah sehingga ke tempat kerja kita. Insha allah.

Sekian, terima kasih.

HJ. MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH  
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK







# MENARIK Dalam Keluaran Kali ini



Binaraya Dipertanggungjawab Bina Rumah Ubuddiyah Pembeli Projek Perumahan Ini Juga Akan Di Bantu Oleh Bahagian Perumahan Negeri Dalam Mendapatkan Pinjaman Dari Intitusi Perumahan




PKINK Pelopor Usahawan ICT Kelantan. Kelantan Juga Berjaya Menjadi Penggerak Kepada Industri Incubator ICT Bagi Membolehkan Usahawan Tekno, Ijazah Dan Pelajar Sekolah Menerokai Dan Membangunkan Idea Serta Inovasi Yang Berasaskan Ict Kepada Produk Yang Bernilai Komersial Jom Heboh Julung Kali Di Kelantan Sambil Melahirkan Rasa



Kagumnya Di Atas Sambutan Amat Menggalakkan, Mohd Farid Secara Jujur Mengakui Kelantan Adalah Negeri Yang Begitu Berjaya Bagi Penganjuran Program Jom Heboh Selama Dua Hari Berlangsung KPKB Bina Pusat Kumpul Makanan. Bagi Merealisasi Hasrat



Kerajaan Yang Ingin Menjadikan Negeri Kelantan Sebagai Jelapang Makanan Negara Menjelang Tahun 2015, kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) Melalui Anak Syarikatnya Damai Sdn Bhd Telah Bercadang Untuk Jadikan Lojing Sebagai Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Tanah Tinggi Kelantan Selatan



Majlis Perasmian dan Pecah Tanah yang Disempurnakan Oleh Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat Di Batu 23 Labok Machang

## KANDUNGAN

Berita Utama	6
Sudut Fokus	10
Sudut Peristiwa	12
Sudut Perkhidmatan	15
Lensa PKINK	16
Sudut AM	18
Sudut Rencana	20
Sudut Sosial	22
Sudut Usahawan	24
Sudut Sukan	31
Berita Kumpulan	32
Sudut Agama	34
Sudut Bicara Hati	35





# Dari Meja ketua eksekutif

## “Memacu Transformasi Berpaksikan U.M.I”

Bismillahirrahmanirrahim...

Mutakhir ini, kita dicanangkan dengan perilaku tidak bermoral penjawat awam, seperti pecah amanah, rasuah, salah gunakusa dan sebagainya. Kejadian ini mencetuskan satu suasana yang agak menggusarkan kepada kita sebagai penjawat awam. Oleh itu kita mestilah mengambil sikap cakna dan proaktif di dalam kes-kes sebegini, agar tidak terjadi dikalangan kita. Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita, jangan sekali-kali kita abaikan.

Tiga nilai teras utama iaitu Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan dijadikan sebagai prinsip utama bagi anggota kumpulan PKINK. Pengabdian kita hanyalah kepada Allah S.W.T sahaja, tidak kepada perkara-perkara yang lain. Ia memiliki segalanya, menghidup dan mematikan segala sesuatu. Dia yang memberi mudarat dan manfaat kepada sesuatu, Dia yang berkuasa, yang memberi rezeki, Dialah yang mentadbir sekalian makhluk samada di langit dan di bumi.

Keduanya tanggungjawab kita sebagai khalifah dan hamba Allah. Tanggungjawab kepada diri sendiri seperti memelihara hak-hak diri iaitu Agama, jiwa, maruah, akal dan harta. Termasuk juga tanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negara.

Ketiganya, kecemerlangan di dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Ditambah pula dengan beberapa sistem kecemerlangan sebagai sokongan, umpamanya perlaksanaan konsep 5S iaitu persekitaran kerja yang berkualiti. Jika ianya dizahirkan dalam amalan kita, insyaAllah kejayaan akan dicapai.

Sebagai penjawat awam, amanah yang diterima mestilah dijaga sebaik mungkin, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud “Jika amanah disia-siakan, maka tunggulah kehancuran, sahabat bertanya, apa yang dimaksudkan dengan mensia-siakan amanah, Baginda bersabda lagi, bila amanah diserahkan kepada orang yang tidak layak, maka tunggulah kehancuran”

Maimun bin Marhan juga menyatakan, terdapat tiga hal yang harus ditunaikan, baik kepada orang yang berbakti mahupun pelaku maksiat iaitu janji, amanah dan silaturrahim. Ketiga-tiga elemen ini amat penting dalam kita menjayakan institusi perniagaan. Kadang-kadang kita mudah membuat janji, tetapi menunaikannya amat susah sekali. Silaturrahim membentuk satu kesatuan dalam organisasi kita, jika kita kuat, kita akan mencapai kecemerlangan yang kita harapkan. Pada zaman ini, lemahnya kita bererti kita akan menempuh saat-saat sukar di dalam saingan perniagaan dan akhirnya kita akan mengalami kegagalan.

Maka marilah kita bermuhasabah diri kita dari masa kesemasa, adakah kita telah menunaikan amanah kita sebaik mungkin. Bagaimana pula dengan pencapaian atau tugas-tugas yang kita targetkan. Pernahkah kita menilai secara individu pencapaian kita. Rasulullah S.A.W. ada bersabda diriwayatkan oleh Anas yang bermaksud “Umat ini masih akan tetap terjaga kebaikannya, jika selalu jujur dalam ucapannya”

Bercakap hendaklah jujur, adil dalam keputusan dan saling berkasih sayang antara satu sama lain menjadi petunjuk dalam aspek-aspek pembangunan modal insan. Tanpanya kita tidak akan berjaya. Untuk melaksanakan amanah yang diberikan kepada kita, kita memerlukan kuasa. Kekuasaan dan agama saling memerlukan antara satu sama lain. Boleh kita ibaratkan Agama adalah tiang dan penguasa sebagai penjaga. Amanah besar ini perlulah dijaga, kita akan mendapat ganjaran pahala jika ianya mencapai kejayaan, tetapi kita juga akan dipersoalkan oleh Allah S.W.T. jika tidak mampu.

Alhamdulillah, tahun 2009 Kumpulan PKINK telah mencapai satu pencapaian yang lebih baik berbanding tahun 2008. Harapan tahun 2010, prestasi Kumpulan PKINK akan menjadi lebih baik. Bagi mencapai hasrat itu, satu kerangka lima tahun perancangan oleh Pengurus-Pengurus Bahagian dan Pengurus-Pengurus Syarikat Anak perlu di dalam menentukan hala tuju Kumpulan PKINK untuk lima tahun akan datang.

TN. HJ. MOHD SABRI B. ABDULLAH  
Ketua Eksekutif  
PKINK

(Petikan Ucapan Ketua Eksekutif sempena Majlis Ucaptama)







“Pembeli projek perumahan ini juga akan dibantu oleh Bahagian Perumahan negeri dalam mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan

# Binaraya dipertanggungjawab bina Rumah Ubuddiyah

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**MACHANG** :- Kejayaan syarikat perumahan Binaraya Sdn Bhd dalam menjayakan pelbagai projek perumahan di negeri ini telah diberi tanggungjawab yang besar oleh Kerajaan negeri Kelantan untuk menjayakan projek pembinaan rumah Ubuddiyah kepada rakyat berpendapatan rendah diseluruh negeri bermula tahun ini.

Projek pertama yang melibatkan 30 unit rumah teres tiga bilik akan dilaksanakan di Jajahan Machang bertempat di Batu 23 Labok Machang.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Ir. Mustafa Salleh, pihaknya akan memulakan kerja-kerja awal di pertengahan tahun ini dan program perlaksanaannya akan di-

lakukan sebaik sahaja mendapat kelulusan dari pelbagai pihak berkaitan seperti Jabatan Tanah dan Jajahan Machang.

Sementara itu, Keperihatinan kerajaan negeri Kelantan terhadap permasalahan perumahan di negeri ini telah direalisasikan dengan kejayaan kerajaan untuk membina rumah mampu milik kepada rakyat yang memerlukan di setiap jajahan dan dimulakan dengan jajahan Machang, majlis perasmian dan pecah tanah telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Komitmen kerajaan selepas Pilihanraya Umum ke12 adalah untuk membina 2000 unit rumah tersebut di seluruh negeri dan sehingga penghujung tahun

2009 sebanyak lebih 11 ribu borang permohonan dikeluarkan dan sehingga kini Jabatan Perumahan Negeri telah menerima 2800 borang permohonan dari seluruh negeri.

“Kerajaan berhasrat untuk menamakan projek ini sebagai Projek Perumahan Ubuddiyah kerana dengan nama sebegini saya berharap mereka yang dapat rumah ini agar sentiasa mendekati diri dengan Allah dan sentiasa bersyukur kerana memiliki rumah yang indah ini” ujar Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz.

Pembinaan rumah ini juga akan dapat menjimatkan kos pembinaannya kerana berlakunya pengurangan dalam penggunaan bahan asas seperti





**Komitmen kerajaan selepas Pilihanraya Umum ke12 adalah untuk membina 2000 unit rumah tersebut di seluruh negeri**

*Menteri Besar Kelantan YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat berucap pada majlis tersebut*



*YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat sedang mendengar taklimat mengenai bata rumah*



*YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat sedang memerhati proses bata dihasilkan*



*YAB. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat mengimamkan solat hajat di tapak projek tersebut*

simen dan besi.

"Oleh kerana teknologi memproses bata datangnya dari negara jiran, belia tempatan yang terlibat telah mendapat tunjuk ajar yang sebaik mungkin dalam menjamin kualiti bata tersebut" katanya lagi.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan, Utiliti dan Alam Sekitar, Mej(B) Md Anizam Abd.Rahman berkata kerajaan sedang mengkaji permohonan dari setiap jajahan dan sedang mengenal

pasti tapak-tapak yang ada dan sekurang-kurangnya memerlukan dua ekar.

"Kita akan ke seluruh jajahan dan kerajaan berhasrat untuk mengadakan projek ini di seluruh pelusuk negeri Kelantan, selari dengan hasrat Tok Guru yang ingin menamakan sebagai projek perumahan Ubuddiyah amat sesuai dan di Machang ini ia adalah berdekatan dengan masjid dan jalanraya, jadi kita harap di jajahan lain pun kerajaan dapat kawasan yang secantik ini" katanya lagi.

Menyentuh kos seunit rumah Ubuddiyah ini, beliau berkata ia bermula dengan harga RM35 ribu seunit dan bergantung kepada kos pembinaan semasa.

Pembeli projek perumahan ini juga akan dibantu oleh Bahagian Perumahan negeri dalam mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan dan ia akan diselaraskan oleh kerajaan negeri.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan kerajaan negeri.





# PKINK PELOPOR USAHAWAN ICT KELANTAN

Oleh Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU** – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bergerak seiringan dengan kerajaan negeri Kelantan dalam meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di Kelantan dengan menggandakan usaha bagi melahirkan masyarakat celik ICT di negeri ini. Pelbagai program telah dan akan diusahakan seperti mengadakan ICT Desa, penubuhan Inkubator ICT dengan menubuhkan sebuah bazaar yang dikenali KB Cyber Plaza di tengah-tengah bandar Kota Bharu.

Penubuhan Inkubator ICT ini merupakan usaha berterusan PKINK dalam membangunkan industri ICT di Kelantan Khususnya dalam usaha membantu usahawan-usahawan baru ICT di negeri Kelantan dalam membangunkan idea dan memulakan perniagaan mereka.

Hari ini, Kelantan melalui PKINK sekali lagi melangkah ke arah meningkatkan penggunaan ICT dengan mendapat kerjasama sepenuhnya dari Multimedia Supercorridor Malaysia Inkubator (MSC) dengan pengiktirafan status MSC.

Penyerahan Sijil Status MSC Malaysia Inkubator kepada ICT Inkubator Centre Sdn Bhd telah disempurnakan oleh Pengerusi Multimedia Development Corporation Sdn

Bhd, Tan Sri Abdul Halim Ali kepada Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat di Dewan Konvensyen Pusat Dagangan Kelantan (KTC) pada 23 Mac lalu.

Turut hadir di majlis penyerahan tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi, Dr. Mohamed Fadzli Datuk Hassan, Exco negeri dan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah.

Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz ketika berucap berkata kerajaan negeri amat memandang serius terhadap perkembangan teknologi maklumat seperti penggunaan internet kerana ia dapat menyampaikan pelbagai maklumat dalam masa yang singkat.

Nik Aziz juga berkata, rakyat seharusnya mempunyai ilmu sebaik mungkin sebelum menceburi dalam pelbagai bidang kerana penguasaan sesuatu maklumat tanpa ilmu yang betul akan menambahkan keburukan terhadap seseorang itu.

Sementara itu menurut Tan Sri Abdul Halim pula, kerjasama yang amat baik yang diberikan oleh kerajaan negeri terutamanya melalui PKINK dalam menjalankan pelbagai program berkaitan ICT telah dapat melahirkan ramai usahawan ICT dan kini sudah terdapat dua usahawan dari Kelantan yang

Berjaya mendapat dana Pre-seed yang bernilai RM150 ribu setiap projek yang dilaksanakan.

Kelantan juga berjaya menjadi penggerak kepada industri incubator ICT bagi membolehkan usahawan tekno, lepasan ijazah dan pelajar sekolah menerokai dan membangunkan idea serta inovasi yang berasaskan ICT kepada produk yang bernilai komersil. Ia merangkumi pembangunan industri ICT dan Multimedia serta melibatkan program yang dapat merapatkan jurang digital, meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan menyokong sektor sedia ada seperti pertanian dan pelancongan.

Status MSC Malaysia Inkubator yang dianugerahkan kepada ICT Incubator Centre Sdn Bhd ini adalah juga merupakan satu kejayaan dan langkah pertama bagi negeri Kelantan dalam usaha mewujudkan satu Industri ICT dan Multimedia di negeri ini.

Majlis ini juga merupakan satu daripada usaha berterusan pihak PKINK dan kerajaan negeri Kelantan dalam memperkuatkan jalinan kerjasama di antara dua GLC Pusat dan Negeri. Apa yang lebih besar ialah hubungan antara negeri dan persekutuan dapat dimanfaatkan secara bersama untuk kepentingan rakyat.





# PENGERUSI MDeC MELAWAT PIIC

Oleh Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU** – Sejurus selepas majlis Penyerahan Sijil Status MSC Malaysia Inkubator kepada ICT Inkubator Centre Sdn Bhd yang berlangsung di Dewan Konvensyen Pusat Dagangan Kelantan (KTC), Pengerusi Multimedia Development Corporation Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Halim Ali diiringi Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi, Dr. Mohamed Fadzli Datuk Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah telah mengadakan lawatan ke Pusat Inkubator

ICT PKINK (PIIC) dan Darul Digital di Bangunan KB Cyber Plaza.

Semasa dalam lawatan tersebut, Tan Sri Abdul Halim melahirkan rasa kagumnya diatas kerjasama yang diberikan oleh PKINK dan kerajaan negeri Kelantan dengan menyediakan prasarana kelas pertama yang sempurna serta segala perkhidmatan pengurusan sokongan untuk pembangunan ICT.

Sambil melahirkan rasa kagumnya itu, Tan Sri Abdul Halim secara jujur mengakui PKINK telah berjaya mewujudkan satu persekitaran

konduif untuk pembangunan usahawan ICT dan bakal menjadikannya sebagai destinasi komuniti ICT yang mantap.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mohamed Fadzli berkata kerjasama yang rapat antara kedua-dua pihak dalam menjayakan penguasaan ICT di seluruh negeri Kelantan ini akan mempercepatkan perkembangan sedia ada.

Turut hadir di majlis lawatan itu ialah pegawai-pegawai kanan PKINK, Pengurus-Pengurus Syarikat Anak Kumpulan PKINK dan para jemputan.





# KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI TINJAU KOMPLEKS MAKANAN HALAL PKINK

Oleh : Ramli Hamzah



**KOTA BHARU** – Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, YBhg. Dato' Hashim Abdullah telah mengadakan lawatan ke Kompleks Makanan Halal PKINK, di Pengkalan Chepa pada 7 Feb lalu. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat operasi pengeluaran di Kompleks Makanan Halal PKINK tersebut.

Sempena lawatan tersebut, Dato' Hashim juga telah diberi penjelasan ringkas mengenai operasi yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha makanan halal, termasuk masalah dan kerumitan yang sedang dihadapi oleh pihak vendor.





# JOM HEBOH JULUNG KALI DI KELANTAN

Oleh Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Buat julung-julung kalinya program Jom Heboh diadakan di Kelantan yang merupakan negeri pertama penganjuran Jom Heboh 2010 selepas pelancaran program berkenaan pada 27 dan 28 Februari lepas di Kompleks Sukan Bukit Jalil. Ia diadakan pada 26 dan 27 Mac di perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV.

Tahun 2010 memperlihatkan Jom Heboh dengan improvisasi dan wajah baru. Jom Heboh telah berkembang dari sebuah konsep tapak ekspo / pameran dan gelanggang hiburan kini ianya diadakan dengan lebih fokus, praktikal dan mesra rakyat sambil memfokuskan objektif terhadap kekeluargaan dan aktiviti permainan berteraskan ilmiah dan kerohanian.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Kelantan, Dato' Takiyuddin Hassan berkata, pihak penganjur bersetuju untuk mematuhi peraturan yang selari dengan dasar kerajaan negeri antaranya pemisahan tempat duduk antara penonton lelaki dan wanita dan tiada penampilan artis wanita.

Antara kelainan ditampilkan kata Takiyuddin, pihak penganjur turut menyediakan khemah besar sebagai tapak tempat menunaikan solat fardhu secara berjemaah.

Manakala menurut Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Media Prima, Dato' Sri Ahmad Farid Ridzuan, pihaknya bercadang untuk menjadikan konsep Jom Heboh di Kota Bharu sebagai model bagi program seterusnya di negeri-negeri lain bermula di Johor Bahru selepas ini.

Sambil melahirkan rasa kagumnya di atas sambutan amat menggalakkan, Ahmad Farid

secara jujur mengakui Kelantan adalah negeri yang begitu berjaya bagi penganjuran program Jom Heboh selama dua hari berlangsung.

Beliau juga berkata walaupun program Jom Heboh hanya diadakan dua hari tetapi dari segi pendapatan peniaga ia amat menggalakkan sehinggakan ada beberapa gerai jualan kehabisan barangan sebelum berakhir program.

Pelbagai program ditampilkan dengan kerjasama kerajaan negeri Kelantan termasuklah pelbagai pameran dan aktiviti jabatan-jabatan kerajaan negeri dan agensinya.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) juga tidak ketinggalan terlibat secara langsung dalam menjayakan program ini dengan menyediakan pameran dan aktiviti interaktif serta program yang berjaya menarik perhatian pengunjung untuk memenuhi gerai kerajaan negeri yang dikongsi bersama beberapa jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Antara program yang diatur adalah dengan mengadakan kuiz interaktif PKINK dengan menyediakan 40 hamper untuk para pemenang kuiz yang dikendalikan oleh pengacara terkenal TV3, Zakiah Anas dan Nurul Syuhada Nurul Ain selain mempromosi jualan rumah kediaman, emas dinar dan jualan jus rosselle.

Dianggarkan lebih 5,000 pengunjung tertumpu di gerai kerajaan negeri sepanjang kuiz interaktif PKINK berlangsung.

Selain PKINK, beberapa lagi jabatan dan agensi kerajaan yang lain turut terbabit dalam pameran dan aktiviti interaktif iaitu Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri, Urusetia Pembangunan Insan, Belia, Sukan dan NGO, Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Kesihatan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Darul Digital, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dan Pusat Penerangan Pelancongan.







# PESANAN PERPISAHAN TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF HEK PKINK

Oleh : Tengku Petra Tengku Wook



**Kota Bharu** – Bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, telah diadakan satu majlis ringkas sempena perpisahan Tuan Haji Ir. Mustafa Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif HEK PKINK.

Beliau akan mula bertugas di Perbadanan Menteri Besar Kelantan mulai 15 Safar 1431 bersamaan 31 Januari 2010 sebagai Ketua Eksekutif menggantikan Tuan Hj. Ir. Abdul Ariffahmi Ab. Rahman yang telah tamat tempoh perkhidmatannya.

Haji Ir. Mustafa Salleh mula berkhidmat dengan PKINK pada 1 Januari 2009 sebagai Timbalan Ketua Eksekutif PKINK. Sebelum itu beliau berkhidmat dengan Kelkon Sdn. Bhd, anak syarikat milik penuh PKINK. Dalam majlis ringkas itu, Tuan Haji Ir. Mustafa menyarankan agar anggota kumpulan PKINK sentiasa bersatu hati dan bekerjasama di dalam melaksanakan hasrat kerajaan, sejajar dengan matlamat penubuhan PKINK sebagai penggerak dan peneraju ekonomi negeri.

**“Tuan Hj. Ir. Mustafa menyarankan agar semua anggota kumpulan PKINK sentiasa bersatu hati**

# PKINK TERIMA KUNJUNGAN UiTM MELAKA

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU** – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) disini menerima kunjungan 23 Orang penuntut jurusan Diploma Pengurusan Bank Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Alor Gajah, Melaka baru-baru ini.

Lawatan akademik tersebut yang diketuai oleh Pensyarah iringan, Encik Ayob Bin Haji Abdul Wahid bertujuan bagi mendapatkan maklumat tentang PKINK serta ingin mempelajari ilmu-ilmu keusahawanan berlandaskan syariah yang telah diamal oleh PKINK sejak sekian lamanya.

Sementara itu, Encik Ayob ketika ditemui berkata, objektif utama lawatan tersebut adalah untuk mengetahui pembangunan keusahawanan yang dilakukan oleh pihak PKINK dan projek-projek yang telah dan dalam proses pelaksanaan oleh pihak PKINK serta ingin mempelajari dan mendedahkan pelajar dengan kaedah yang dilakukan oleh PKINK untuk menonjolkan Usahawan Bumiputera di negeri ini, dan jika sesuai ia akan diaplikasikan di UiTM Melaka nanti.

Menurutnya lagi, input yang diperolehi hasil dari lawatan itu akan dijadikan panduan untuk memantapkan lagi sistem pembelajaran di Universiti itu nanti.

Lawatan yang turut diisi dengan sesi penerangan berkaitan pembangunan usahawan oleh Penolong Pengurus Pembangunan Usahawan, Encik Rusli Ismail ini adalah untuk memberi lebih peluang kepada pihak lain untuk melihat sendiri pembangunan-pembangunan usahawan yang telah dilakukan oleh PKINK untuk bakal usahawan dan usahawan di negeri ini.





## PKINK ANJUR BENGKEL INTENSIF 'PERKHIDMATAN PELANGGAN BARISAN HADAPAN'

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU** – Bagi melahirkan anggota yang berketerampilan dan berkualiti, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui Unit Latihan Pengurusan Sumber Manusia mengambil inisiatif dengan menganjurkan bengkel intensif perkhidmatan pelanggan barisan hadapan di Bilik Latihan, Tingkat 10 Bangunan PKINK baru-baru ini.

Bengkel yang dikendalikan oleh MIIR Sdn. Bhd. itu menekankan aspek berkaitan nilai-nilai profesional, kepentingan komunikasi berkesan dan keterampilan profesional.

Peserta yang terdiri daripada Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) setiap bahagian di PKINK dan Syarikat Anak didedahkan dengan pelbagai kaedah cara komunikasi yang berkesan yang boleh dipraktikkan dalam meningkatkan mutu kerja perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Bengkel sehari itu juga mendidik peserta tentang perubahan "mindset" berfokuskan pelanggan masa kini dan memahami kaedah interpersonal didalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta mengenalpasti kepentingan komunikasi bagi sesebuah agensi kerajaan.

Menjadi harapan PKINK dan pihak MIIR Sdn. Bhd. agar peserta yang hadir dapat menimba ilmu sebaik mungkin serta berjaya mencapai objektif bengkel tersebut dalam melahirkan anggota yang berdedikasi, berketerampilan, dinamik dan berkualiti selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan sebagaimana yang telah ditetapkan.



“Bengkel sehari itu juga mendidik peserta tentang perubahan "mindset" berfokuskan pelanggan masa kini





# PENDIDIKAN ANAK PALESTIN DIBELA

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Satu ceramah khas memperingati serangan Rejim Zionis ke atas Palestin anjuran Sekretariat Cakna Palestin (MCP) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK baru-baru ini dihadiri Anggota PKINK dan Pengurus-pengurus Syarikat Anak Kumpulan PKINK.

Objektif utama ceramah ini diadakan adalah untuk mengumpul dana bagi membiayai pelajar-pelajar Palestin yang belajar di Negara ini serta mengingati dan memikirkan nasib tentang kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat Palestin dalam menghadapi serangan kejam Rejim Zionis.

Ceramah yang berkisarkan tentang pendidikan anak Palestin dibela telah



disampaikan oleh wakil HAMAS Palestin, Syeikh Alauddin As-Sayeed yang sedang menuntut di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian dan diterjemahkan oleh penterjemah jemputan, Ustaz Nur Hazrul Salleh, pensyarah Universiti Malaya.

Antara lain dalam ceramahnya, Syeikh Alauddin menyeru seluruh Umat Islam agar turut sama mengingati dan memikirkan nasib rakyat Palestin yang sedang menderita dan dibunuh dibumi sendiri serta pendidikan anak-anak Palestin yang terabai sama sekali. Sebagai saudara seagama, kita wajar merasa bersalah kerana sehingga kini kita tidak dapat berbuat apa-apa untuk menyingkirkan Israel dari bumi Palestin yang dijajah sejak tahun 1948 lagi.

Hanya melalui doa dan sokongan moral sahaja yang dapat ditujukan khas



buat pejuang-pejuang HAMAS dan penduduk Palestin dari terus menjadi mangsa kekejaman Rejim Zionis dan segala mimpi ngeri yang menyelubungi sejak sekian lama dalam menjalani liku-liku kehidupan semoga berakhir dengan kejayaan berteraskan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.

Di akhir majlis, satu upacara ringkas serahan sumbangan wang tunai daripada pihak pengurusan PKINK dan hasil kutipan derma oleh anggota-anggota PKINK telah disampaikan oleh Pengurus Pengurusan Sumber Manusia, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh kepada wakil Sekretariat Cakna Palestin, Ustaz Wan Mohd Sharafi Wan Mustafa Rushdi, untuk membela pendidikan anak-anak Palestin.







# Latihan Berterusan di Makmal Siber PKINK

Oleh : Hawa M. Salleh



PKINK masih meneruskan aktiviti latihan dan sewaan di Makmal Siber PKINK. Syukur ke hadrat Illahi kerana kemudahan tersebut setakat ini telah dapat dimanfaatkan oleh bukan sahaja PKINK malahan pelbagai agensi lain dan awam.

Dalam usaha meneruskan aktiviti selain dari kursus yang dijalankan secara dalaman melalui kursus teknikal anggota MIS, PKINK pada Januari 2010 untuk Nuxeo Document Management, Permodalan

Kelantan Berhad melalui Bahagian Akademi Permodalan turut terus memainkan peranan mereka dalam membangunkan modal insan PKB melalui kursus Ms Publisher pada Februari 2010 dan PowerPoint pada Mac 2010 yang lalu.

Selain itu Ujian Menaip untuk Pembantu Tadbir Kewangan W17 juga telah dijalankan di Makmal Siber PKINK seliaan bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Jabatan Perkhidmatan Awam

pada Februari 2010. Program Data Cleaning E-Kasih anjuran Jabatan Pembangunan Persekutuan pula telah berjaya dijalankan selama 3 hari pada Februari yang lalu.

Adalah menjadi hasrat PKINK untuk terus memajukan Makmal Siber PKINK sebagai sebuah pusat latihan berkemudahan IT untuk pelbagai kursus/latihan oleh pelbagai Agensi Kerajaan/Swasta dan awam yang berminat.

## Sumber Terbuka untuk Makmal Siber PKINK

Oleh : Hawa M. Salleh



Adalah menjadi hasrat PKINK untuk terus memajukan Makmal Siber PKINK sebagai sebuah pusat latihan berkemudahan IT untuk pelbagai kursus/latihan oleh pelbagai Agensi Kerajaan/Swasta dan awam".

Selaras dengan ucapan itu, MIS PKINK telah melangkah setapak dalam menyediakan komputer di Makmal Siber PKINK dengan sistem pengoperasian dari sumber terbuka, Linux Mint semenjak Februari 2010 lagi. Ini adalah sebagai

langkah untuk memperluaskan lagi penggunaan perisian dari sumber terbuka selari dengan saranan kerajaan (MAMPU) yang dalam agenda untuk memperluaskan lagi kepenggunaannya. Penggunaan sistem perisian dan perisian dari sumber terbuka kelak akan dapat menjimatkan kos perlesenan disamping memberi satu alternatif atau pilihan selain dari sistem yang sedia ada dari platform Microsoft.

Komputer di Makmal Siber

kini dilengkapi dengan dua sistem pengoperasian Windows serta Linux dan pengguna masih boleh membuat pilihan platform yang ingin digunakan. Walaubagaimanapun dengan penyediaan kemudahan dari sumber terbuka ini adalah lebih mudah untuk pengguna mendapatkan kemudahan untuk terus berlatih dan mahir dalam penggunaan sumber terbuka sebelum ianya dapat diterapkan dalam pengurusan kerja harian kelak.






وَبَدِّلْ قَلْبَهُمْ لِيُدْرِكُوا أَهْلَ عِلْمٍ يَتَّقُونَ

KELUWAI

Lensa PKINK



# Sektor Majlis Penyerahan Sijil Status MSC Malaysia Inkubator Kepada ICT Inkubator Centre Sdn Bhd Dan Lawatan Ke Pusat Inkubator - 28 MAC 2010







**Suasana Di Tapak Program Jom Heboh 2010 yang berlangsung diperkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV - 26 ~ 27 MAC 2010**







# TAKLIMAT AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Oleh : Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU** – Bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, satu taklimat berkenaan Amalam Persekitaran Berkualiti 5S telah disampaikan oleh Encik Nik Rosdi Nik Yusoff, Pengurus MPC Kelantan pada 17 Januari lalu.

Taklimat tersebut diadakan sebagai persediaan pensijilan semula 5S PKINK yang dijangka pada akhir Januari 2010. Taklimat ini juga bertujuan untuk memantapkan amanah 5S di PKINK.

Dalam lawatan untuk pensijilan semula itu nanti, juruaudit akan lebih menumpukan kepada konsep 5S samada berjalan seiring dengan perancangan dan pelaksanaan yang sepatutnya di laksanakan di Perbadanan atau pun tidak.



## AUDIT DALAMAN 5S

Oleh : Tengku Petra Tengku Wook



**KOTA BHARU** – Dalam persediaan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) memperbaharui sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (5S), Jawatankuasa Audit Dalaman 5S yang dipengerusikan En. Nor Azuwan Salleh telah mengadakan lawatan ke setiap Zon 5S PKINK.

Dalam lawatan tersebut, beberapa teguran dan tunjuk ajar telah dilakukan oleh Jawatankuasa kepada setiap zon supaya pensijilan semula 5S dapat diadakan oleh PKINK. Bermula dengan Zon Perdana ditingkat 11 dan berakhir dengan Zon Teksetia di bahagian Khidmat Teknikal. Hampir semua anggota PKINK telah bersedia dan memahami konsep sebenar 5S. Jawatankuasa Audit dalaman berpuashati dengan persediaan semua zon dan InsyaAllah dengan sedikit penambahbaikan PKINK akan dapat memperbaharui sijil Persekitaran Berkualiti 5S.





# KONSEP 5S AMALAN AGAMA ISLAM

Oleh : Tengku Petra Tengku Wook



**KOTA BHARU** – Satu ceramah berkenaan konsep 5S mengikut pandangan Islam yang disampaikan oleh Ustaz Saibon Ismail dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 25 Januari lalu.

Ceramah anjuran Jawatankuasa Latihan 5S yang dipengerusikan oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias antara lain bertujuan untuk menjelaskan bahawa konsep 5S adalah merupakan anjuran Islam yang telahpun diamalkan sejak satu ribu empat ratus tahun dahulu lagi dan ia selari dengan

tuntutan agama. Dalam ceramahnya, Ustaz Saibon menyentuh tentang konsep 5S yang bersesuaian dengan amalan Islam seperti: Konsep Sisih, yang mana bertepatan dengan Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "Antara tanda keindahan Islam seseorang itu ialah meninggalkan perkara yang tidak berfaedah." Riwayat Al-Tirmidzi

Konsep Sapu, bertepatan dengan Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud "Ketika seseorang lelaki melalui jalan, didapatinya satu kayu berduri merentangi jalan, maka ia membuangnya, Allah berterima kasih dan mengampuni dosanya" Riwayat Muslim

Konsep Susun, bertepatan dengan Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud " Ketahuilah! Telah binasa orang yang bekerja tanpa mematuhi arahan. Baginda mengulanginya 3 kali" Riwayat Al-Tirmidzi

Konsep Seragam bersesuaian dengan Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud " Sesungguhnya Allah taala itu cantik, cintakan kecantikan". Riwayat Muslim

Konsep Sentiasa Amal, Seragam bersesuaian dengan Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud " Sekasih-kasih amalan kepada Allah ialah yang sentiasa diamalkan walaupun sedikit". Riwayat Al-Bukhari

# PENSIJILAN SEMULA 5S

Oleh : Tengku Petra Tengku Wook



**KOTA BHARU** – Setelah setahun persediaan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah Berjaya memperoleh Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti (5S), sampai masanya ia diperbaharui. Pihak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah secara rasminya memohon untuk memperbaharui sijil Amalan Persekitaran Berkualiti dengan Pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Untuk tujuan tersebut, pihak MPC telah melaksanakan Audit Pensijilan ke atas PKINK pada 27 Januari lalu oleh juruaudit MPC, Cik Faridah Taju Rahim.

Lawatan Audit pensijilan telah dimulakan dengan mesyuarat bersama antara wakil MPC dengan Pengurus Jawatankuasa dan Ketua-Ketua Zon.

Secara keseluruhannya, pihak MPC berpuas hati dengan amalan 5S di PKINK.

Suasana persekitaran bekerja, sistem yang diamalkan dan sudut-sudut 5S bertepatan dengan konsep 5S, program latihan perlu diperbanyakkan agar anggota sentiasa terdedah dengan perkara-perkara baru dan sentiasa menambahbaik dari masa ke semasa. Beliau telah bersetuju mencadangkan agar PKINK di anugerah sijil untuk tempoh setahun.





# NILAI DAN KONSEP ISLAM DALAM URUSTADBIR

Oleh: Pn Nik Farzimar bt Nik Omar



Urustadbir korporat merupakan “the buzzword” dalam tahun-tahun kebelakangan ini akibat dari timbulnya beberapa kes-kes penyelewengan, penggelapan dan salah laku yang bukan sahaja menjatuhkan beberapa syarikat gergasi seluruh dunia malah mencetuskan krisis kewangan global yang masih belum pulih sepenuhnya.

Di Malaysia, Jawatankuasa Kewangan untuk Urustadbir Korporat menafsirkan UrusTadbir Korporat sebagai “proses dan struktur yang digunakan untuk menguruskan dan menghalatujukan bisnes dan hal-ehwal syarikat kearah meningkatkan kemakmuran bisnes dan akauntabiliti korporat dengan objektif utamanya untuk meningkatkan nilai syarikat kepada pemegang saham dengan turut mengambilkira kepentingan pihak yang lain”.

Proses dan struktur ini perlu ada kerana pada sesebuah syarikat wujud perceraian antara pemilikan dan pengurusan. Syarikat adalah dimiliki oleh pemegang saham manakala Lembaga Pengarah diwujudkan sebagai wakil pemegang saham untuk “mengurus” syarikat dengan memastikan semua anggota syarikat menjalankan tugas untuk kepentingan syarikat dan bukannya kepentingan peribadi.

Urustadbir korporat yang baik secara ringkasnya adalah bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kebolehpercayaan (trustworthiness) di kalangan anggota syarikat, termasuklah ahli Lembaga Pengarah.

Jika menjaga kepentingan semua pihak, akauntabiliti, ketelusan, dan kebolehpercayaan merupakan 4 faktor asas yang memastikan sesebuah syarikat itu diurustadbir dengan baik, maka konsep ini bukan lah baru atau asing menurut Islam. Malah Islam juga mempunyai konsep syura’ dan hisbah, yang akan

mengukuhkan lagi urustadbir korporat SEKIRANYA DIAMALKAN DENGAN BETUL.

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” (Surah al-Baqarah, ayat 30)

Sesuai dengan kejadian manusia itu dicipta sebagai khalifah di bumi, maka Allah yang Maha Pencipta bukan saja mencantikkan kejadian manusia itu, malah menganugerahkan nikmat akal untuk membezakannya daripada makhluk lain. Dengan akal dan berpandukan pula ajaran Islam yang syumul lagi lengkap, maka peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah tentunya besar dan berat. Ia bukan hanya sekadar menyempurnakan tanggungjawab terhadap Penciptanya saja, iaitu Allah, malah bertanggungjawab terhadap hubungannya sesama manusia dan alam sekitar.

“Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sebahagian mereka adalah menjadi penolong sebahagian yang lain. Mereka menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah dari kemungkaran” (At-taubah: 71)

Menurut Islam juga, proses membuat keputusan mestilah berasaskan Syura supaya kepentingan semua pihak diambil kira dan dibincangkan.

“Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya” (Surah Asy-syura: 38)

Salah satu dari Rukun Iman ialah Percaya kepada Hari Pembalasan. Sebagai seorang Muslim, kita yakin bahawa dunia ini hanya sementara. Sekadar satu persinggahan untuk kehidupan kekal di akhirat nanti.





Di dunia yang sementara ini, setiap Muslim adalah akauntable kepada yang Maha Pencipta serta kepada makhluk lain ciptaan Ilahi yang sama-sama singgah disini. Semua manusia akan dihisab di hari kiamat nanti berdasarkan semua perlakuannya di muka ini. Keyakinan inilah yang sepatutnya akan membataskan perlakuan kita agar tidak berlaku sewenang-wenangnya agar setiap perlakuan mendapat keredhaan Allah dan mendapat ganjaran pahala sebagaimana yang Allah janjikan.

Kepentingan akauntabiliti ini turut ditegaskan dalam sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “setiap dari kamu adalah penjaga, dan setiap penjaga akan dihitung atas segala apa yang dijaganya”.

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang Berjaya” (Al-Imran: Ayat3)

Ketelusan turut disebut dalam firman Allah yang bermaksud “wahai orang-orang beriman, apabila berurusan di antara satu sama lain, yang melibatkan urusan hadapan dalam tempoh yang ditetapkan, maka pastikan ada catatan...” (Al-Baqarah: 282)

Sehubungan itu, semua transaksi perlu dinyatakan dan dijelaskan, bukan sekadar “sosek-sosek” antara pihak-pihak tertentu sahaja.

Rasulullah SAW ada bersabda “peniaga-peniaga yang jujur adalah antara mereka-mereka yang terawal masuk syurga”. Kebolehpercayaan ini adalah selari dengan konsep akauntabiliti bilamana seseorang muslim itu dalam membuat keputusan atau melaksanakan tindakan dipengaruhi oleh perasaan takut bahawa Allah tahu apa yang dibuatnya (walaupun manusia lain tidak tahu).

Sebagaiman firman Allah yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah mengkhianati Allah dan rasul, dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat kamu sedang kamu mengetahuinya.” (Al-anfal: 27)

Muslim yang sebenar akan memegang teguh nilai ethical dan moral dalam mengoptimalkan sumber kurniaan Allah kepada mereka, bukan untuk ganjaran keduniaan tetapi sebagai lambang pengabdian kepada Allah SWT

“Tidak aku jadikan Jin dan Manusia kecuali untuk mengabdikan diri kepada Ku” (Adz-Dzaariat: 56)

Sehubungan itu, PKINK sebagai sebuah satu organisasi dan kumpulan syarikat-syarikat yang 100% ahli Lembaga Pengarah, pengurusan serta anggota yang merupakan Muslim, semua nilai-nilai yang disebut di atas sepatutnya telah sehati dalam segala bentuk urusan dan pentadbiran.

Perlaksanaan tugas yang sempurna, accountable dan telus dari perspektif Islam, adalah bukan sahaja untuk memastikan kepentingan pemegang saham dan pihak-pihak yang berkaitan terjaga, tetapi yang utamanya adalah untuk memmanifestasikan keimanan kita kepada Allah dengan MENGAMALKAN segala rukun dan perintah, bukan sahaja percaya dalam hati dan menyebut dengan lidah. Agar kita tidak tergolong dikalangan mereka yang bersifat munafik.

“dan dikalangan manusia itu ada yang mengatakan “kami beriman dengan Allah dan hari akhirat, padahal mereka itu orang-orang yang beriman dan tidaklah mereka menipu melainkan di neraka sendiri sedangkan mereka tidak sedar” (Al-Baqarah: 8-9)

Sekian. Wassalam.



## PKINK SUMBANG BINA RUMAH BARU MANGSA KEBAKARAN

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



**TUMPAT** – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bukan sahaja menjadikan bidang korporat sebagai tujuan utamanya, namun ia juga mengambil berat hal kebajikan rakyat negeri ini.

Seorang ibu tunggal, Fatimah Idris, 57, bersama lima anaknya dari Kampung Paloh, Palekbang dekat sini yang hidup dalam keadaan dhaif, kini mampu menarik nafas lega apabila mula mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk PKINK.

Nasib malang ibu tunggal ini mendapat simpati Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) serta beberapa lagi agensi kerajaan negeri yang lain dan orang berseorangan.

Nasib malang Fatimah bermula selepas rumahnya musnah sama sekali dalam kebakaran dua tahun lepas. Fatimah yang hanya bekerja sebagai pembantu gerai makan yang memperolehi pendapatan sekitar RM300 sebulan juga terpaksa menanggung kos perubatan anak sulungnya yang cacat sejak lahir lagi.

Enam beranak terbabit juga terpaksa menumpang hidup di rumah adiknya yang hanya bekerja kampung yang tinggal berhampiran dengan tapak rumah lamanya.

Kini Fatimah boleh menarik nafas lega kerana PKINK sedia menghulurkan sumbangan untuk mengurangkan beban perbelanjaan menyiapkan rumah baru yang masih dalam peringkat awal pembinaan serta untuk kegunaan harian Fatimah sekeluarga.

Dalam suasana penyerahan sumbangan yang ringkas, Fatimah diwakili adiknya menerima sumbangan yang disampaikan Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh, disini baru-baru ini.

Adilan berkata, meskipun bantuan yang disampaikan itu tidak dapat menampung kos sara hidup keseluruhan, namun sekurang-kurangnya meringankan beban kewangan keluarga berkenaan.

“Kami berharap orang ramai dapat membantu menghulurkan bantuan sewajarnya memandangkan mereka sekeluarga kini bergantung harap kepada sanak-saudara serta jiran terdekat,” katanya.

Orang ramai dan kalangan korporat yang bersimpati untuk menghulurkan sumbangan boleh menghubungi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk sama-sama menunaikan khidmat sosial.







# KELUARGA DHAIF DAPAT BANTUAN PKINK

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



**TUMPAT** – Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menjalankan tanggungjawab sebagai agensi kerajaan negeri Kelantan yang mementingkan kebajikan rakyat selari dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri berkeadilan.

PKINK sekali lagi menjalankan tanggungjawab sosial dengan menyalurkan sumbangan kewangan kepada keluarga Mat Dan Mat Salleh di Kampung Bukit, Wakaf Bharu baru-baru ini yang sejak sekian lama berada dalam suasana kedaifan.

Mat Dan, 43 yang hanya bekerja sebagai buruh kontrak dengan berpendapatan RM350 sebulan terpaksa menanggung sembilan orang anak dan isteri yang mengalami masalah kesihatan dan memerlukan rawatan susulan.

Nasib malang keluarga tersebut mendapat perhatian PKINK serta beberapa lagi agensi kerajaan negeri yang lain dan orang awam yang turut serta menyumbang kewangan untuk keluarga tersebut membina rumah baru.

Jika sebelum ini keluarga ini terpaksa menanggung sengsara sejak sekian lama terpaksa hidup didalam sebuah rumah yang hanya berdinginkan atap zink dan buluh serta berlantaikan separuh tanah, hari ini boleh menarik nafas lega kerana PKINK sudi menghulurkan

sumbangan untuk mengurangkan beban perbelanjaan menyiapkan rumah baru yang masih dalam peringkat awal pembinaan serta untuk kegunaan harian mereka sekeluarga.

Sumbangan yang disampaikan oleh Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti kehidupan golongan yang memerlukan.

Adilan selepas menyerahkan sumbangan tersebut berkata, PKINK sentiasa peka dengan nasib rakyat tanpa mengira fahaman politik kerana ia tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan negeri.

Menurut beliau lagi sumbangan tersebut tidak terlalu besar tetapi cukup untuk menampung keluarga ini menyiapkan rumah baru dan dapat hidup dalam suasana yang lebih selesa dan sempurna.

"Kami berharap orang ramai dapat membantu menghulurkan sumbangan memandangkan anak-anak kecil ini memerlukan kehidupan yang lebih terbelas untuk menjadi seorang yang berpendidikan," katanya lagi.

Orang ramai dan kalangan korporat yang ingin bersama-sama PKINK membela nasib keluarga ini boleh menghubungi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk sama-sama menunaikan tanggungjawab sosial ini.





# TAKLIMAT TERMINAL MAKANAN NEGARA (TEMAN) UNTUK AGENSI KERAJAAN DAN USAHAWAN

Oleh : Ramli Hamzah

“ Tujuan taklimat ini diadakan untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada agensi-agensi dan usahawan-usahawan yang berkaitan tentang hasrat dan perancangan pihak kerajaan...”



**Kota Bharu-** satu Majlis Taklimat Terminal Makanan Negara (TEMAN) telah diadakan di Kelantan Trade Centre pada 25 Januari lalu. Taklimat tersebut dihadiri seramai 87 peserta yang terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan, anggota-anggota agensi Kerajaan dan usahawan yang

berkaitan dengan industri tersebut. Tujuan taklimat ini diadakan untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada agensi-agensi dan usahawan-usahawan yang berkaitan tentang hasrat dan perancangan pihak kerajaan untuk mewujudkan Terminal Makanan Negara (TEMAN).

Dalam tempoh dua jam taklimat ini berlangsung, Tuan Haji Sahbani bin Saimin, Timbalan Ketua Pengarah I (Pembangunan) FAMA Kuala Lumpur telah memperincikan konsep, hasrat dan tujuan termasuk perancangan dan pelaksanaan program ini.





# KPKB bina pusat kumpul makanan

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya



TMB mendengar taklimat pembangunan CPPC



TMB menanam pokok Anggur di tapak Syarikat Damai Sdn Bhd



TMB lawat tanah milik KPKB seluas 213 ekar

**LOJING** :- Bagi merealisasikan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan Negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara menjelang tahun 2015, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) melalui anak syarikatnya Damai Sdn Bhd telah bercadang untuk jadikan Lojing sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian Tanah Tinggi Kelantan Selatan.

Penyediaan tapak seluas 5 ekar telah dikenal pasti dan ia terletak di tengah-tengah tanah tinggi Lojing yang di sekelilingnya di penuhi dengan penanaman buah-buahan dan sayuran.

Taklimat ringkas tersebut telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif KPKB, Mohd Farid Dato' Abdul Razak kepada rombongan Timbalan Menteri Besar Kelantan Dato' Ahmad Yakob bertempat di pejabat Damai di Tanah Tinggi Lojing baru-baru ini.

Turut hadir Wakil Ketua Eksekutif PKINK Hj. Mohd Adilan Mat Jusoh dan Timbalan Ketua Jajahan Gua Musang Ramli Che Soh.

Menurut beliau, setakat ini Kelantan belum lagi mempunyai satu pusat khusus untuk menjadi tempat tumpuan pekebun di sekitar Lojing dan mereka kini telah menjadikan Kampung Raja di Cameron Highland Pahang sebagai tempat pengumpulan hasil tanaman mereka.

"kami berharap dengan langkah yang akan diambil oleh KPKB untuk membina sebuah pusat pengumpulan hasil tanaman di sini akan menjadi satu tarikan juga kepada pelancong dan secara tidak langsung orang ramai akan menjadikan



TMB mengimamkan solat hajat di pejabat Damai Sdn Bhd

Lojing sebagai tempat untuk mendapatkan hasil tanaman segar" ujar beliau.

Sehubungan dengan itu pihak KPKB juga akan memajukan tanah seluas 213 ekar dengan tanaman sayuran menggunakan kaedah "Intergrated Modern Farming" bagi menampung penggunaan secara maksima Pusat Pengumpulan Makanan Tanah Tinggi Lojing (Collection Processing and Packaging Centre (CPPC) dan akan bekerjasama dengan FAMA dalam mendapatkan hasil untuk dipasarkan ke seluruh negara.

Beliau juga berkata pihak KPKB telah mendapat kebenaran dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam

penyediaan tapak pengumpulan hasil tanaman di Terminal Makanan Negara (Teman) di bandar baru Tunjung bila ia siap sepenuhnya penghujung tahun ini.

Mohd Farid juga berkata penyediaan tapak CPPC dijangka akan dapat dibina pertengahan tahun ini dengan menempatkan 100 unit lot dengan keluasan 20 X 60 kaki persegi dan melibat anggaran kos RM2 juta.

Di majlis yang sama, Dato' Ahmad Yakob turut merasmikan pelancaran penanaman Anggur di tanah milik Damai Sdn Bhd seluas dua ekar dengan kapasiti 700 pokok dan mengambil masa selama dua tahun bagi menikmati hasilnya.





# KEDAI BUNGA HOBI YANG MAMPU MENJANA PENDAPATAN



**Soalan:**

"...Beliau hanya berkelulusan SRP sahaja, tetapi begitu berminat untuk membuka kedai menjual bunga. Selain banyak mengetahui tentang bunga, kakak saya juga pandai dalam seni hiasan dan qubahan bunga. Masalahnya, beliau tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan. Bolehkah saya dapatkan panduan untuk membuka perniagaan kedai bunga?..."

**Nurul Aina Abdul Rahman**  
([ellynarahmaniah@tm.net.my](mailto:ellynarahmaniah@tm.net.my))

**Jawapan:**

Pada kebiasaannya seseorang yang ingin memulakan perniagaan ini tidak memerlukan kelayakan akademik yang tinggi. Adalah memadai jika anda hanya memiliki sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran. Ketiadaan pengalaman juga bukanlah masalah utama yang menghalang seseorang untuk menceburi bidang perniagaan, meskipun kajian mendapati faktor pengalaman itu mampu membentuk Usahawan menjadi lebih berdaya tahan untuk bersaing. Pastikan anda benar-benar mempunyai minat serta bersedia untuk mempelajari apa jua ilmu dan pendedahan yang berkaitan dengan perniagaan anda kelak.

Sebelum melibatkan diri di dalam apa jua perniagaan, adalah penting bagi setiap bakal Usahawan membuat analisis kemampuan diri dan kajian kedayamajuan perniagaan yang bakal diceburi. Maklumat asas yang perlu diketahui oleh bakal Usahawan ialah dari segi keperluan modal dan kos pemiagaan, sementara maklumat tambahan pula merangkumi faktor-faktor persaingan, maklumat persekitaran serta syarat penubuhan pemiagaan dari aspek perlesenan dan perundangan. Pengetahuan dan keanggotaan di dalam persatuan-persatuan yang berkaitan dengan perniagaan juga membolehkan bakal Usahawan mendapat akses maklumat berkaitan dengan perniagaan dari semasa ke semasa dan seterusnya berupaya mewujudkan jaringan perniagaan di dalam bidang yang diceburi.

**1. Kursus yang perlu anda hadir**

Disamping kelulusan dan minat, peniaga juga boleh mengikuti kursus pengubahan bunga sebagai asas sebelum memulakan perniagaan.

Di antara kursus-kursus yang sering diikuti adalah kursus pengubahan bunga pada peringkat-peringkat tertentu seperti Basic, Intermediate, Advance, Profesional dan European Design.

Pengusaha sekurang-kurangnya perlu menghadiri kursus di tahap Basic. Di antara kedai bunga yang menawarkan kursus-kursus ini ialah S.E.A. Park Florist Sdn Bhd, Lee Flower Shop sementara agensi seperti Doris Hwang Flower Art Centre, PE Floral & Art Design Training Centre dan World Floral Design Centre Sdn Bhd juga menawarkan kursus yang sama. Kesemua organisasi ini berada di sekitar Lembah Klang dan tempahan kursus secara 'on-line' juga disediakan. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman web agensi yang berkaitan.

**2. Penyertaan dalam Persatuan**

Amat penting bagi pengusaha mengetahui akan persatuan-persatuan yang berkaitan dengan perniagaan bunga yang boleh dianggotai mereka. Keanggotaan dalam mana-mana persatuan yang berkaitan membolehkan pengusaha menyertai pameran yang dianjurkan oleh persatuan bagi mempromosi produk, dapat mengetahui perkembangan terkini dan dapat memperkembangkan perniagaan. Di antara persatuan yang boleh anggotai adalah Majlis Bunga Dunia, Jawatankuasa Seni Bunga dan Persatuan Peniaga Kecil.

**3. Produk**

Dalam perbincangan mengenai produk, perkara yang ditekankan adalah jenis bunga, pembekalan bunga, cara membuat pembayaran, bahan mentah, cara perletakan harga, peratusan 'mark up' yang dikenakan dan khidmat penghantaran yang disediakan.

**3.1. Jenis Bunga**

Perniagaan bunga boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu bunga segar dan bunga hiasan.

**3.1.1. Bunga Segar**

Pelbagai jenis bunga segar boleh dijual oleh peniaga. Di antara bunga-bunga segar yang mendapat sambutan pelanggan adalah bunga ros, orkid, dahlia (kekwa) dan tulip. Tempoh ketahanan bunga segar secara puratanya adalah selama 4 hari.

**3.1.2. Bunga Hiasan**

Di antara bunga hiasan yang boleh dijual adalah:

- i. bunga plastik
- ii. bunga kain
- iii. bunga kertas
- iv. bunga kaca
- v. bunga Min
- vi. bunga sabun
- vii. bunga getah

Bunga-bunga segar dan hiasan ini biasanya digunakan untuk tujuan hiasan, hadiah, upacara pengkebumian dan upacara perasmian majlis. Di samping menjual bunga segar dan hiasan seperti diatas, ramai pengusaha menyediakan produk sampingan seperti kad ucapan, pembalut hadiah, belon, raga buah-buahan, riben dan aksesori yang berkaitan.

**3.2. Pembekal Bunga**

Kedua-dua jenis bunga ini boleh didapati daripada kebanyakan pembekal di sekitar kawasan Lembah Klang. Senarai nama pembekal boleh dipohon secara terus dari pihak kami. Bagi peniaga yang ingin mendapatkan bekalan secara langsung terutamanya bagi bunga segar, Cameron Highland merupakan pilihan utama bekalan dari dalam negara sementara Netherland adalah sumber bunga segar dari luar negara. Namun demikian, disebabkan proses untuk mendapatkan bunga daripada sumber tempatan yang dikatakan agak rumit menyebabkan ramai peniaga mendapatkan bunga dari sumber luar negara.





### 3.3. Bilangan Pembekal

Dari segi jaringan dengan pembekal, peniaga sekurang-kurangnya harus mempunyai hubungan dengan empat atau lima pembekal. Pembelian dengan bekalan boleh dibuat berdasarkan permintaan pasaran semasa ataupun melalui kontrak jangka panjang.

### 3.4. Cara Pembayaran

Pembayaran kepada pembekal biasanya dibuat secara tunai, walaubagaimanapun, pembayaran secara kredit atau ansuran (setiap bulan) boleh juga dilakukan sekiranya mendapat persetujuan daripada kedua-dua belah pihak.

### 3.5. Bahan mentah/asas/peralatan yang diperlukan

Di antara bahan asas (jubahan bunga yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Vas
- ii. Sponge untuk cucuk bunga
- iii. Tempat cucuk bunga (besi)
- iv. Reben
- v. Bakul
- vi. Penyokong bekas bunga
- vii. Wayar halus
- viii. Kereta/van bagi memudahkan perkhidmatan penghantaran dan pembelian
- ix. Peti sejuk untuk menyimpan bunga segar supaya lebih tahan
- x. Komputer untuk memproses operasi harian (opsional)
- xi. Alat-alat pemotongan
- xii. Kad dan alat pembalut

### 3.6. Cara meletakkan harga

Pada kebiasaannya peniaga bunga menetapkan harga mengikut harga semasa atau harga pasaran dan juga kaedah 'mark-up' berasaskan kos. Kebanyakan peniaga mengenakan 'markup' antara 30% hingga 50% bagi produk bunga mereka. Ada juga peniaga yang mengenakan 'mark-up' sehingga 400% bagi bunga segar dan sehingga 200% bagi bunga hiasan.

### 4.7. Khidmat Penghantaran/Pengedaran

Khidmat penghantaran perlu disediakan oleh peniaga. Peniaga boleh membuat penghantaran berdasarkan nilai jualan dan/atau jarak dari premis perniagaan, yakni penghantaran hanya dibuat bagi nilai jualan yang melebihi RM50 dan/atau disekitar 20km. Manakala bagi jarak yang melebihi kadar tersebut, peniaga boleh membuat penghantaran sekiranya nilai jualan adalah besar.

## 5. Operasi

### 5.1. Hari/Waktu Beroperasi

Kebanyakan perniagaan bunga ini dibuka setiap hari (tujuh hari seminggu). Peniaga biasanya membuka perniagaan dari pukul 10 pagi sehingga 10 malam.

### 5.2. Bilangan pekerja

Jumlah pekerja yang diperlukan bagi memastikan perniagaan berjalan dengan lancar tidak tertakluk kepada keluasan premis

perniagaan. Secara purata, peniaga perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja tetap namun demikian peniaga boleh juga mengupah sehingga 3 orang pekerja tetap dan seorang pekerja sambilan dan ini adalah bergantung kepada sambutan terhadap perniagaan peniaga.

### 5.3. Pengalaman Pekerja

Sebaik-baiknya peniaga harus mengambil pekerja yang telah mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman dan telah mengikuti kursus gubahan bunga sekurang-kurangnya kursus pada peringkat asas.

### 5.4. Pemilihan Lokasi Tempat Berniaga

Dalam membuat pemilihan lokasi perniagaan, beberapa perkara perlu dipertimbangkan. Antara faktor-faktor yang boleh diambil kira adalah:

- Berdekatan dengan pusat komersial
- Berdekatan dengan kawasan pejabat dan kemudahan pengangkutan awam
- Berdekatan dengan sumber/bahan mentah
- Pasaran atau permintaan yang sedia ada
- Berdekatan dengan tempat tinggal

## 6. Pasaran

### 6.1. Kumpulan Sasaran/Jenis Pelanggan

Kumpulan sasaran perniagaan ini adalah pelanggan yang datang secara langsung dan terus membeli produk di premis perniagaan. Di samping itu peniaga boleh menambahkan pelanggan dengan mendapatkan kontrak atau tempahan daripada pihak individu atau institusi. Penjualan secara kontrak atau tempahan ini dapat dipertingkatkan dengan mengadakan promosi atau melalui kenalan.

### 6.2. Pesaing

Pesaing utama peniaga adalah peniaga-peniaga bunga yang berdekatan dan Kedai-kedai bunga yang lebih besar yang telah lama beroperasi..

### 6.3. Faktor-faktor Persaingan

Persaingan bagi perniagaan ini amatlah hebat. Oleh itu amat perlu bagi peniaga mengetahui akan faktor-faktor persaingan tersebut. Antara faktor yang dikenalpasti adalah seperti:

- a) Rekabentuk gubahan yang canggih dan terkini
- b) Promosi yang hebat
- c) Pesaing telah lama berniaga
- d) Jumlah jualan yang lebih besar
- e) Kontrak yang berjumlah besar
- f) Kepelbagaian kemudahan yang disediakan
- g) Keupayaan kewangan

### 6.4. Kelebihan Daya Saing

Walaupun terdapat persaingan tetapi peniaga masih boleh berdayasaing dengan mencari dan menyediakan kelebihan tersendiri kepada pelanggan. Perkara-perkara yang

perlu diberi perhatian adalah seperti:

- a) Harga yang rendah
- b) Rekabentuk gubahan yang eksklusif
- c) Kualiti bunga
- d) Menjaga Pelanggan tetap
- e) Lokasi kedai yang strategik

### 6.5. Kaedah Memenuhi Kehendak Pasaran

Untuk memastikan produk yang dijual bertepatan dengan kehendak pelanggan, peniaga boleh belajar dari sumber atau kaedah tertentu seperti:

- a) Maklumbalas daripada pelanggan
- b) Mengikut kajian pasaran/citarasa pasaran
- c) Maklumbalas daripada pembekal

## 7. Kewangan

### 7.1. Jumlah Jualan Bersih

Peniaga boleh menjangkakan jumlah jualan bersih di antara RM870 hingga RM13,000 sebulan, jumlah jualan bersih berkemungkinan juga akan meningkat sehingga mencapai RM150,000 terutama sekali waktu musim perayaan, musim perkahwinan atau hari-hari keraian seperti Hari Guru, Hari Ibu dan sebagainya (berdasarkan perniagaan di Lembah Kelang, Selangor, Pulau Pinang dan Ipoh).

Jumlah jualan bersih adalah berbeza mengikut lokasi perniagaan. Perniagaan yang terletak di pusat membeli belah boleh mendapat purata jualan bersih antara RM3,000 hingga RM50,000 sebulan, manakala yang terletak di pusat perdagangan pula antara RM6,000 hingga RM20,000 dan antara RM3,001 hingga RM5,000 sebulan bagi perniagaan yang terletak di bangunan persendirian.

### 7.2. Titik Pulang Modal Perniagaan

Titik pulangan modal merupakan poin di mana jualan yang dibuat sekadar cukup untuk menampung perbelanjaan perniagaan. Pada poin ini peniaga tidak akan mengalami sebarang kerugian dan tidak juga mendapat sebarang keuntungan. Formula yang digunakan untuk mengira titik pulangan modal adalah seperti berikut:

$$\text{Titik Pulangan Modal} = \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Harga} - \text{Kos Berubah}}$$

Jadi pada kebiasaannya titik pulangan modal bagi perniagaan bunga adalah di antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan tetapi ada juga yang memerlukan sehingga RM10,000 lebih sebulan untuk mencapai titik pulangan modal.

### 7.3. Kos Permulaan

Bagi memulakan perniagaan dalam bidang ini purata kos permulaan yang agak berpatutan adalah di antara RM10,000 hingga RM130,000 dan kos ini banyak bergantung kepada pemilihan lokasi perniagaan. Contohnya di pusat membeli belah memerlukan kos purata di antara RM10,000 hingga RM120,000, premis di pusat perdagangan memerlukan di antara RM10,000 hingga RM30,000 dan bangunan persendirian pula memerlukan di antara RM7,000 hingga RM10,000.





**PECAHAN KOS PERMULAAN PERNIAGAAN BOLEH DILIHAT SEPERTI RAJAH DI BAWAH:**

Butiran (Di Pusat Beli Belah)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Aset Semasa (Tunai)	1,300	200,000
Aset Semasa (Inventori/Stok)	1,200	400,000
Aset Tetap (Ruang Pameran)	600	35,000
Aset Tetap (Kelengkapan)	2,000	20,000

Butiran (Di Pusat Perdagangan)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Aset Semasa (Tunai)	2,000	250,000
Aset Semasa (Inventori/Stok)	3,000	400,000
Aset Tetap (Ruang Pameran)	250	45,000
Aset Tetap (Kelengkapan)	700	10,000

Butiran (Di Bangunan Persendirian)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Aset Semasa (Tunai)	2,000	14,000
Aset Semasa (Inventori/Stok)	12,000	12,000
Aset Tetap (Ruang Pameran)	250	3,000
Aset Tetap (Kelengkapan)	1,500	6,000

**7.4. Kos Operasi**

Kos operasi bagi perniagaan ini pada keseluruhannya adalah di antara RM155 hingga RM4,900 sebulan. Tetapi kos operasi juga banyak dipengaruhi oleh lokasi premis perniagaan. Bagi perniagaan yang bertempat di pusat membeli belah, kos operasinya adalah dari RM6,250 hingga RM10,000 sebulan, manakala di pusat perdagangan kosnya adalah di antara RM3,000 hingga RM10,000 sementara di bangunan persendirian pula kos operasi boleh dianggarkan di antara RM200 hingga RM4,050 sebulan.







SECARA TERPERINCI, KOS OPERASI BAGI PERNIAGAAN INI DI TEMPAT-TEMPAT  
TERSEBUT BOLEH DIPECAHKAN KEPADA:

Butiran ( Di Pusat Membeli Belah)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Sewa	500	15,000
Sewa Utiliti	100	1,100
Upah/Gaji	700	15,000
Telefon/Faks	50	700
Alatulis	100	1,000
Promosi	500	3,000

Butiran (Di Pusat Perdagangan)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Sewa	100	20,000
Sewa Utiliti	60	2,000
Upah/Gaji	700	15,000
Telefon/Faks	50	500
Alatulis	50	1,000
Promosi	150	5,000

Butiran (Di Bangunan Persendirian)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Sewa	55	2,500
Sewa Utiliti	50	350
Upah/Gaji	500	650
Telefon/Faks	50	250
Alatulis	50	300
Promosi	150	1,000

### 8. Promosi

Bahagian promosi amat penting dalam meningkatkan jumlah jualan dan memajukan sesebuah perniagaan. Kaedah promosi yang biasa digunakan oleh kebanyakan peniaga adalah dari mulut ke mulut dan potongan harga. Manakala kaedah pengiklanan yang digunakan adalah melalui media cetak, 'yellow pages' dan memasang kain rentang. Sesuai dengan kemaiuan, teknologi, pengusaha juga boleh membuat promosi melalui internet dengan membuat 'web site' atau 'home page' sendiri. Contoh 'web site' yang boleh dilihat sebagai rujukan adalah seperti berikut:

[www.myflower.com.my](http://www.myflower.com.my)  
[www.blooming.com.my](http://www.blooming.com.my)  
[www.leeflower.com](http://www.leeflower.com)

Promosi biasanya dilakukan oleh peniaga sendiri terutama sekali ketika musim perayaan, memperkenalkan produk baru dan ketika hari-hari keraian tertentu.



#### Rujukan:

1. INSKEN, MITI, 2007, Panduan Perniagaan - Institut Latihan Bunga, Kuala Lumpur.
2. Siegel R.L., 2008, Turning Hobbies into Businesses, AES Journal of Entrepreneurship, Canada.



# TEKA SILANG KATA

	1		2		3				4						
5															
						6									
											7				
				8				9							
10															
								11		12					
			13												
									14						

© Rusli(BPU)/TS0110/SP87525

## MELINTANG

- Syarikat No 1 dunia (2009) dari aspek jualan, aset dan nilai pasaran.
- Kereta paling kecil dan paling murah di dunia keluaran India pada Mac 2009.
- Pasar terbuka berasal dari perkataan Parsi.
- Jenama jam tangan yang dipakai oleh Angkasawan NASA untuk ke 'bulan'.
- Minyak urut popular dari Kelantan formula 'Ku Mat Gagah'!
- Rangkaian hospital swasta Pusat Rawatan Islam Sdn Bhd.
- Usahawan perlu miliki sifat ini untuk berdaya saing.

## KE BAWAH

- Majlis Keusahawanan Universiti-Universiti Malaysia.
- Minyak ikan ini kaya dengan asid lemak Omega-3 untuk kesihatan jantung kita.
- Asalnya makanan 'SiPapa', kini kegemaran masyarakat dunia.
- Instrumen bertulis sebagai bukti sesuatu transaksi urusan niaga.
- Laman Jaringan sosial ciptaan Mark Zuckerberg ini asalnya untuk fakulti di Universiti.
- Pelanggan wajib membayar hutang ini walaupun tidak dituntut!
- Kaedah popular untuk menganalisis pesaing dan pasaran syarikat anda!

© Rusli(BPU)/TS0110/SP87525

				L	A	K	E	14C							
						O			T						
						O			O			K			
						B		I	W	A	R	S	U	13P	
A	K	I	K	A		E	12M		11S		E		P		
						C					C		A	G	E
						R	A	A	Z	A	B	9B		U	8L
								F	Z				A		
								Z				B		D	
								I						O	N
								4P			M	3G		2K	

JAWAPAN SILANGKATA SIRI 4/09





# ADUN KELANTAN SEKAT HAJAT PKINK

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



KOTA BHARU – Satu perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan pasukan Adun Kelantan telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV pada 02 Mac 2010 bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan silaturrahim antara Perbadanan dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

Dalam perlawanan tersebut, pasukan PKINK memberi tentangan sengit sebelum dijinakkan dengan kekalahan tipis 2-1 di tangan pasukan Adun Kelantan.

Pada separuh masa pertama, kedua-dua pasukan mempamerkan persembahan bersemangat dan bertenaga dengan aksi-aksi dan beberapa percubaan yang menarik sehingga memaksa keputusan seri tanpa

jaringan sehingga tamat separuh masa pertama.

Selepas sepuluh minit separuh masa kedua dimulakan, pasukan Adun Kelantan berjaya membuka tirai jaringan menerusi YB Arifabillah Ibrahim pada minit ke-55 sebelum YB Ahmad Baihaki Atiqullah meletakkan pasukan Adun di depan menerusi jaringan cantik sepuluh minit kemudian. Pasukan PKINK berjaya merapatkan jurang gol apabila Abdul Hafiz Ikmal Hassan menjaringkan gol saguhati PKINK pada minit ke-74 dengan keputusan kekal sehingga tamat perlawanan.

Perlawanan ini diserikan dengan kehadiran Speaker Negeri Kelantan, YB Hj. Mohd Nassaruddin Hj Daud dan Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah yang turut serta bermain mewakili pasukan masing-masing.





## BENGKEL KOMUNIKASI BERKESAN BANTU DAYA SAING ANGGOTA PKB

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU** – Bagi mencapai tahap standard sesebuah syarikat, majikan sanggup melakukan apa sahaja untuk melahirkan kakitangan yang berketerampilan demi menjaga dan memberi keyakinan kepada pelanggan untuk terus berurusan dengan syarikat.

Atas dasar ingin memantapkan tahap komunikasi anggota dengan pelanggan, satu bengkel komunikasi berkesan anjuran Permodalan Kelantan Berhad melalui bahagian Akademi Permodalan telah diadakan di Bilik Latihan, Tingkat 10 bangunan PKINK baru-baru ini.

Bengkel yang disertai oleh 25 orang peserta ini telah didedahkan dengan pelbagai kaedah cara komunikasi yang baik yang boleh dipraktikkan dalam meningkatkan mutu kerja perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Menjadi harapan syarikat agar semua yang hadir berjaya mencapai objektif bengkel tersebut dalam memahami kepentingan cara berkomunikasi, memahami kaedah interpersonal di dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta mengenalpasti kepentingan komunikasi bagi sesebuah syarikat.





## KUMPULAN BINARAYA TINGKATKAN JUALAN DI MAPEX 2010



KOTA BHARU - Kumpulan Binaraya telah menyertai Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX 2010) yang dianjurkan oleh REHDA Cawangan Kelantan yang telah berlangsung di KB Mall, Kota Bharu pada 12-15 Mac 2010. Seramai 24 pemaju hartanah telah mengambil bahagian di samping bank, dan syarikat pelancongan.

MAPEX 2010 telah dirasmikan oleh YB Mejar (B) Md. Anizam Abd.Rahman (Pengerusi JK Perumahan, Kerjaraya, Utiliti

& Alam Sekitar) mewakili YAB Menteri Besar Kelantan. Pengunjung MAPEX 2010 kali ini amatlah menggalakkan disebabkan oleh lokasi pameran yang strategik yang terletak di aras bawah KB Mall. Peluang keemasan ini telah direbut oleh Kumpulan Binaraya sehingga dapat menjual beberapa unit rumah kediaman yang bernilai sebanyak RM5.485 juta dalam tempoh 4 hari.

Setiap promosi MAPEX anjuran REHDA Cawangan Kelantan menjadi

platform kepada semua pemaju perumahan yang berdaftar dapat menyerlahkan produk yang diusahakan oleh mereka.

Oleh sebab itu, tidak dinafikan jualan produk Kumpulan Binaraya adalah dengan berkat kerjasama dan komitmen semua anggota Team Pemasaran Kumpulan Binaraya yang berpaksikan kepada mesra pelanggan bertunjangan kepada Ubudiah, Masuliyah dan Itqan.

## MESYUARAT PELAKSANAAN JMB BAZAR ABDUL RAHMAN BIN AUF, BANDAR BARU RANTAU PANJANG

KOTA BHARU - Sinaran Pantai Timur Consortium Berhad merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah berjaya mengadakan Mesyuarat Pelaksanaan 'Badan Pengurusan Bersama (JMB)' yang telah diadakan pada 24 Februari 2010 bersamaan hari Rabu pada pukul 10 pagi di Medan Selera, Aras Dua, Bazar Abdul Rahman Bin Auf.

Mesyuarat seumpama ini adalah julung kali diadakan di Kelantan dan telah mendapat sambutan yg menggalakkan di kalangan semua pemilik ruang niaga Bazar tersebut. Hampir 60% pemilik ruang niaga telah hadir untuk menjalankan tanggungjawab mereka bagi penubuhan Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama atau Joint Management Committee (JMC) untuk membolehkan pembeli bersama-sama pamaju menyelenggara dan menguruskan bangunan Bazar tersebut sebelum Management Corporation (MC) di wujudkan. Langkah ini adalah selaras dengan Akta 663, Undang-Undang Malaysia, Akta Bangunan & Harta Bersama (Penyelenggaraan & Pegurusan) 2007.

Mesyuarat penubuhan JMB ini telah dipengerusikan oleh Pegurus Besar SPTC, Tuan. Hj. Mohd Asri Bin Sulaiman dan Pengurus Pemasaran & Perhubungan

Awam SPTC, Tuan Hj. Ahmad Farid Bin Hj Mahmood selaku setiausaha, manakala Cik Nik Rosniza Binti Nik Ismail adalah pencatat. Pemerhati Mesyuarat adalah wakil dari Majlis Perbandaran Seberang Perai yang berpengalaman luas dalam Pelaksanaan JMB.

Sehubungan dengan itu, hasil daripada mesyuarat itu, Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah ditubuhkan dan 5 orang pemilik ruang niaga serta seorang wakil dari pemaju telah dilantik menganggotai Jawatankuasa tersebut.



Oleh yang demikian, dalam tempoh 28 hari daripada mesyuarat di atas, Jawatankuasa JMB yang baru dibentuk hendaklah mengadakan mesyuarat pertama bagi membincangkan pengurusan dan penyeleggaraan Bazar tersebut selaras dengan Seksyen (7), Akta 663.





# KESAN REZEKI TERHADAP IBADAT

Oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias



Apabila kita berbicara soal rezeki, ia meliputi wang ringgit, pakaian, makanan, minuman, tempat tinggal, kenderaan dan seumpama dengannya. Kesemua perkara ini adalah keperluan hidup dan perlu dicari. Namun, perlu kita ingat seandainya rezeki ini diperoleh dari sumber yang haram, syubhat dan ragu-ragu. Ia akan memberi kesan yang besar terhadap kehidupan kita di dunia dan akhirat.

Mengikut hukum feqah, apabila kita membeli sehelai pakaian untuk bersolat. Contohnya kita membeli pakaian baju melayu yang berharga RM 40. Lalu kita mengeluarkan duit sebanyak RM 40 untuk membayar kos baju tersebut. Duit yang kita gunakan itu bercampur dengan duit halal dan duit haram. Andaikan sahaja duit

halal RM39 dan duit haram hanya RM1. Setelah itu, kita memakai pakaian itu untuk menunaikan solat. Adakah solat kita sah atau mendapat pahala?

Jawapannya ialah solat kita sah, tetapi kita tidak mendapat sebarang pahala. Kita tidak mendapat sebarang balasan atas ibadat solat itu disebabkan pakaian kita bersumberkan sesuatu yang haram.

Begitu juga dengan rumah yang kita duduki, apabila rumah itu dibina dengan duit yang bercampur dengan sumber yang haram. Maka ibadat kita di dalam rumah itu tidak mendapat apa-apa ganjaran pahala. Andaikan kos rumah tersebut RM 140 ribu. Duit halal sebanyak RM 130 ribu dan duit syubhat sebanyak RM 10 ribu. Sekalipun duit halal melebihi duit haram, hukumnya tetap sama iaitu amalan kebajikan

yang dikerjakan di dalamnya tetap sia-sia.

Bagaimana pula jika kita memakan makanan haram? Lalu makanan haram itu menjadi darah dan daging di dalam jasad kita? Bagaimana nasib kita? Nabi SAW bersabda : Setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka api nerakalah tempatnya.

Bersandarkan hadis tersebut, sudah jelas bahawa tubuh badan yang dipenuhi perkara haram akan menjadi bahan bakar api neraka. Ini bererti sesiapa sahaja yang melazimkan diri memakan makanan daripada sumber yang haram. Pasti tubuh badannya akan terbina dari unsur haram. Jika begitu halnya, berkemungkinan besar dia akan dibakar dalam api neraka Allah.

Merujuk kepada persoalan feqah, amalan

seseorang itu tidak mendapat pahala jika dilakukan menggunakan pakaian atau rumah yang dibeli bersumberkan wang haram. Apatah lagi jika tubuh badan kita mengandungi benda haram, memang terang lagi bersuluh bahawa amalan kita juga akan berakhir sia-sia. Sekalipun ia sah, ia tetap tidak mendapat keuntungan di akhirat.

Oleh yang demikian, kita harus waspada meneliti rezeki harian kita yang terdiri daripada makanan, pakaian dan wang ringgit. Apabila rezeki ini datang dari sumber yang tidak bersih, ia akan memberi kesan besar ke atas ibadat seseorang. Kita tidak boleh mengambil mudah tanpa meneliti makanan harian, sumber wang ringgit serta pakaian kita.





## RENUNGAN : Kita Hanya Menumpang

Oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

Saya mulakan dengan Bismillah...

"Kita hanya menumpang, semuanya bukan milik kita. Sampai masa, kita akan pergi juga"

Saya masih ingat, waktu mula-mula pulang dari Mesir dan bekerja di Maahad Tahfiz Sains Tumpat. Saya menjawat jawatan guru dan ditempatkan di satu bilik bersama dua belas orang guru lain. Kami berkongsi meja disebabkan ruangan yang ada cukup terhad. Setelah setahun, saya diberi kepercayaan untuk mengendali badan redaksi sekolah lalu diberi satu bilik khusus dan komputer yang lebih baik. Di bilik baru itu, ruangnya menjadi lebih kecil malangnya saya tetap perlu berkongsi dengan tiga orang rakan. Asalnya saya ingatkan... apabila bertambah jawatan, bilikpun makin luas. Rupanya yang terjadi adalah sebaliknya.

Pada awalnya, saya jadi rimas kerana perlu berkongsi ruangan terhad itu. Bilik sempit, buku bertimbun, fail berselerak dan komputer pula menyemak. Lalu, saya pujuk diri sendiri dengan menyatakan bahawa saya hanya manusia yang menumpang di sekolah ini. Saya tidak akan kekal di sini, saya perlu bersabar dan sampai waktu saya akan berpindah juga. Atas sebab itu, saya abaikan soal rimas, resah dan terhad. Saya sumbangkan tenaga sehabis yang boleh sebelum saya berpindah.

Akhirnya, pada ogos 2009 saya mula bertugas di PKINK. Saya mula ditempatkan di tingkat 10, dengan mempunyai sebuah partisan bilik kecil bersama kerusi dan meja. Saya merasakan betapa diri ini bertuah, jika dahulu saya berkongsi satu bilik dengan tiga orang. Sekarang saya boleh duduk satu partisan dan memiliki ruang itu sepenuhnya. Bayangkan orang yang bekerja di pejabat swasta dengan ruang terhad dan kapasiti yang ramai. Pasti mereka rimas. Alhamdulillah, syukur!

Setelah lima bulan berlalu, saya dipindahkan ke bilik yang lebih luas dan selesa. Sekali lagi saya bersyukur kepada Allah. Dahulu, saya langsung tidak terbayang akan memiliki...ops! bukan memiliki tetapi 'menumpang' di bilik seluas itu. Saya sedar dan ingat bahawa apabila sampai masa, saya akan pergi juga. Barangkali saya akan duduk seketika sahaja di sini. Mungkin esok lusa saya akan berpindah ke tempat lain. Siapa tahu?

Malah saya tetap waspada kerana saya ini bekerja untuk kerajaan. Saya hanya menumpang di pejabat milik kerajaan. Saya duduk di kerusi dan meja milik kerajaan. Bukan milik saya. Jika saya diminta untuk pergi dan melepaskan milik itu. Saya bersedia. Cuma, kadang saya menjadi hairan mendengar kisah orang berebut 'barang' yang bukan milik mereka. Ada orang yang berebut 'mesin' yang bukan milik mereka. Apa yang lebih saya hairankan, bagaimana dua kumpulan yang bersaudara. Satu agama dan satu akidah, boleh berebut suatu 'barang' sedangkan 'barang' itu pada asalnya boleh dikongsi. Astaghfirullah! Hanya kerana 'barang' duniawi itu akhirnya silaturrahim yang dibina bertahun-tahun di bawah satu bumbung pejabat sanggup dibuang dan disisihkan?

Apapun, saya menyedari bahawa saya ini adalah hamba Allah. Menumpang di buminya, meminjam ruh dan jasad pemberiannya. Tiada satupun milik saya. Tugas saya bukan 'berebut' atau 'bertanding' dengan saudara sesama Islam. Tugas saya ialah berbaik, berkawan dan berukhuwwah sesama insan. Saya malu untuk berebut barang yang bukan milik saya. Saya juga malu untuk bergaduh sesama Islam jika melibatkan perkara remeh-temeh. Bagi saya, silaturrahim itu amat besar haknya dan wajib dipelihara.

Bukankah orang yang memutuskan silaturrahim itu akan diharamkan oleh Allah mencium bau syurga? La haula wala quwwata illa billah! Na'uzubillah! Semoga kita menjadi manusia yang sedar bahawa diri ini 'menumpang' dan berbuat 'baik' sesama kita. Sampai masa, kita akan pergi juga.

Mohon maaf jika terkasar, tercubit, terketuk atau tercucuk. Bukan berniat menyinggung tetapi berniat untuk memberi untung.

Sekian.

## NUKILAN : BICARA SEPI

Oleh Su..... PKINK

Ku ucapkan kata Al-Fatihah,  
ku susunkan ayat Qulhuwallah,  
ku mematrikan lidah dengan Al-Mulk,  
ku labuhkan tirai senja dengan tasbih,  
menemanimu di taman Raudah,  
doa ku, zikir ku,  
ayat-ayat Al-Quran ku sedekahkan pada mu,  
wahai sijantung hati.

Ku tahu batas-batasnya,  
ku tahu garis-garisnya,  
ku tahu jalur-jalurnya,  
tapi .....

benak ku mencengkam,  
naluri ku bergelora,  
resahku menanti,  
kesabaranku tersekat.

Duhai Yang Maha Agong,  
berilah daku kekuatan,  
berilah daku ketenangan,  
setenang wajah pagi,  
sekuat para sahabat,  
sesabar Asyiah isteri firaun.

Hari-hari berlalu,  
tawa mu,  
usaha mu,  
jenaka mu,  
masih segar diingatan ku,  
ku meraba-raba, mencari-cari,  
sunyinya hari ini.  
Biasa usaha mu menggerak hati ku,  
mulut mu, mulut berbicara,  
sepatah berkata, ketawa berderai,  
tinggal kenangan,  
berlalu pergi.

Di depan ku kawan,  
di belakang ku teman,  
di kiri ku?,  
di kanan ku?,  
biarlah para sahabat,  
biarlah para ambia,  
biarlah para malaikat,  
mengelilingi mu,  
duhai suamiku.

Ku hampar wangian zikrullah,  
ku tabur bunga-bunga doa,  
ku hiaskan bilik mu  
dengan kalimah-kalimah Allah,  
ku dendangkan lagu-lagu suci Al-Quran,  
tenang, aman,  
kan ku terus berbicara, bermadah,  
Insyallah, Tuhan akan kabulkan  
doa ku, zikir ku, tasbih ku,  
menemani mu duhai teman hidup ku.





Kompleks Perakayan Kelantan Sdn. Bhd. (KPK), sebuah anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang berorientasikan pembalakan dan pengilangan kayu.



## KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN. BHD.

Kg. Stong, Kemubu, 18000 Kuala Krai, Kelantan Darul Naim

Tel : 09 - 9360013 / 09 - 9360030

Fax : 09 - 9360018 / 09 - 9360026